



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Akta Perbekalan Tambahan (1966)1966

DR.46/1966

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 1966 dan bagi memper-
untukkan wang itu bagi maksud² yang tertentu.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen dan dengan kuasa daripada-nya saperti berikut:

2. Act ini boleh-lah di-namakan Act Perbekalan Tambahan (1966), 1966. Tajok ringkas.

3. (1) Dengan ini ada-lah di-benarkan pengeluaran wang sa-banyak tidak lebeh daripada dua puluh dua juta enam ratus lapan puluh tujuh ribu dua ratus tujuh puluh sembilan ringgit (\$22,687,279) daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan bagi perbelanjaan untuk berbagai² perkhidmatan yang di-nyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan bagi tahun 1966 yang tidak di-peruntukkan atau yang tidak di-peruntukkan dengan sa-penoh-nya oleh Act Perbekalan (1966), 1965. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1966.
92 tahun 1965.

(2) Wang yang tersebut itu ada-lah di-peruntukkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual ini. Peruntukan.

JADUAL
(Sekshen 2)

Kepala No.	Tajok	Peruntukan bagi Kepala
(1)	(2)	(3)
		\$
S. 4 ...	Surohanjaya Pilehanraya ...	363,993
S. 7 ...	Perdana Menteri ...	906,600
S. 9 ...	Pejabat Perjawatan Persekutuan ...	10
S. 11 ...	Perangkaan ...	34,000
S. 13 ...	Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ...	1,058,855
S. 14 ...	Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ...	101,230
S. 15 ...	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ...	314,851
S. 19 ...	Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran ...	229,290
S. 21 ...	Kementerian Luar Negeri ...	580,787
S. 23 ...	Perbendaharaan ...	184,327
S. 24 ...	Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan ...	4,367,625
S. 26 ...	Kastam dan Eksais di-Raja ...	5,220

Kepala No. (1)	Tajok (2)	Peruntukan bagi Kepala (3) \$
S. 30 ...	Hasil Dalam Negeri—Negeri ² Borneo ...	12,344
S. 32 ...	Kementerian Kesihatan ...	4,144,742
S. 33 ...	Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri ...	980,000
S. 34 ...	Polis di-Raja Malaysia ...	1,189,710
S. 35 ...	Imigresen ...	350,690
S. 36 ...	Penjara ...	168,000
S. 37 ...	Perchetakan ...	60,000
S. 38 ...	Pendaftar Pertubohan ...	10,770
S. 39 ...	Pesuruhjaya Pendaftaran Negara ...	1,006,877
S. 42 ...	Radio ...	40,081
S. 44 ...	Penerangan ...	10
S. 45 ...	Kementerian Ke'adilan ...	12,828
S. 46 ...	Kehakiman ...	170,010
S. 47 ...	Peguam Negara ...	153,452
S. 49 ...	Kementerian Buruh ...	46,932
S. 60 ...	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	16,000
S. 63 ...	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ...	460,770
S. 66 ...	Penerbangan 'Awam ...	10,000
S. 67 ...	Penerbangan 'Awam dan Perkhidmatan Kaji- chuacha—Negeri ² Borneo ...	49,318
S. 68 ...	Perkhidmatan Kajichuacha ...	50,850
S. 70 ...	Laut—Negeri ² Borneo ...	44,200
S. 72 ...	Kementerian Perkhidmatan Kebajikan ...	4,843,078
S. 73 ...	Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ...	275,500
S. 76 ...	Pos dan Talikom—Negeri ² Borneo ...	92,319
S. 77 ...	Talikom ...	352,010
Jumlah ...		22,687,279

HURAIAN

Tujuan rang undang² ini ia-lah untuk memberi kuasa berkanun bagi bayaran² tambahan yang tertentu yang akan di-buat untuk perkhidmatan² 'awam persekutuan dalam tahun 1966 yang melebihi perbelanjaan yang di-benarkan oleh Act Perbekalan (1966), 1965 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan² yang di-buat daripada Kumpulan Wang Belanja Luar-jangka sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[P.N. 3654.]